

# Anak muda gembira pengumuman PM

**Kuala Lumpur:** “Diharap inisiatif dan keprihatinan kerajaan ini mampu merealisasikan impian saya untuk mendapatkan kediaman sendiri buat kami empat beranak berteduh,” kata Mohamad Ameerin Mohd Zaini, 31.

Beliau yang bekerja sendiri nyata gembira dengan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri kelmarin mengenai janji kerajaan untuk mengutamakan rumah mampu milik serta memudahkan pembiayaan kewangan bagi pembelian kediaman kepada generasi muda.

Katanya, beliau sudah menunggu selama enam tahun untuk memiliki kediaman sendiri berikutan permohonan sebelum ini untuk mendapatkan rumah mampu milik berdepan pelbagai kerenah birokrasi, manakala bagi perumahan dibangunkan swasta pula, harganya di luar kemampuan kewangannya.

“Sebenarnya, saya sudah putus asa dengan impian itu dan kini bersama keluarga menetap di rumah ibu bapa.

“Dengan harga rumah rata-rata mencecah RM400,000 sekarang, sukar untuk saya melepasi penilaian mendapatkan pinjaman bank, manakala untuk rumah mampu milik kerajaan pula, terpaksa berdepan kerenah birokrasi,” katanya.

Bagi pekerja swasta, Nor Al-baniah Ahmad Zakaria, 30, memang menjadi impiannya untuk memiliki kediaman sendiri, namun memikirkan komitmen bulanan yang tinggi, beliau tidak yakin permohonan mendapatkan pinjaman perumahan olehnya akan diluluskan bank.

“Apabila melihat ramai rakan berjaya membeli rumah, timbul juga keinginan untuk menetap di kediaman sendiri, boleh hias dan ubah suai kerana ia rumah kita.

“Namun, memikirkan sukar untuk melepasi pembiayaan perumahan dengan komitmen yang tinggi, keluarga kecil kami hanya mampu menyimpan impian itu,” katanya.

Sehubungan itu, beliau yang gembira mendengar komitmen

kerajaan untuk mengutamakan golongan belia memiliki rumah sendiri, berkata pengumuman Perdana Menteri kelmarin memberi harapan buatnya mendapatkan rumah sendiri selepas tiga tahun bersama suami tinggal menyewa.

Seorang lagi belia, A Sheriniy, 24, berkata masalah generasi muda, khususnya yang baru bekerja adalah gaji mereka tidak cukup, selalunya sekitar RM2,800 sebulan, sekali gus agak mustahil untuk mendapat pembiayaan kewangan bagi kediaman berharga lingkungan RM300,000 di sekitar Lembah Klang.

“Sejak tahun lalu, memang saya merancang membeli rumah, tetapi melihat harga bagi kediaman yang ada di Kuala Lumpur, saya tahu saya tidak mampu dan tidak akan dapat pinjaman.

“Selain itu, isu seperti 10 peratus deposit juga perlu difikirkan kerana di mana mahu mencari sehingga RM30,000. Mungkin isu deposit ini juga boleh difikirkan kerajaan,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persekutuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Kedah/Perlis, Yeoh Su Guan, berkata kemudahan model pembiayaan pemilikan perumahan jangka mampu merangsang pasaran hartanah di negara ini.

Ini kerana, katanya, apabila pembeli khususnya belia mudah mendapatkan pinjaman, lebih ramai akan tampil untuk membeli dan apabila berlaku peningkatan permintaan, ia akan mendorong pemaju membina lebih banyak unit kediaman, sekali gus menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

“Kemudahan pembiayaan perumahan adalah situasi menang-menang kepada pembeli, institusi perbankan, pemaju dan kerajaan.

“Apabila berlaku peningkatan pembelian berikutan pinjaman mudah diluluskan, kerajaan juga boleh mendapat hasil daripada kutipan cukai,” katanya yang juga Ahli Majlis REHDA Kebangsaan.